

Jangan caturkan nasib rakyat: PM

BN 30 JUL 1986

Oleh HAJI
NASHRULADIN RAHMAN

KUCHING, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menasihatkan bekas-bekas pemimpin Barisan Nasional (BN) di negeri ini supaya jangan 'mencaturkan nasib rakyat' semata-mata untuk menyelesaikan masalah peribadi dengan pemimpin sekarang.

"Perpecahan berlaku apabila ada yang membawa soal peribadi kepada rakyat dan menjadikannya isu politik," kata beliau.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, apa yang diperlukan oleh rakyat negeri ini ialah pembangunan dan ini dapat dicapai melalui pemerintahan kerajaan BN.

Tanpa menyebut nama mereka yang terbabit, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pemimpin BN yang sudah bersara pun, perlu menghormati pemimpin-pemimpin parti sekarang.

Pengganti

"Kalau bersara, hendaklah bersara. Nanti apabila bersara, saya tidak akan kacau pengganti saya kerana masing-masing mempunyai resmi sendiri. Jadi, kita patut terima perbezaan-perbezaan ini dan janganlah kita hendak membentuknya supaya serupa dengan kita," katanya.

Menurut beliau, mereka hendaklah mengambil teladan daripada pemimpin-pemimpin terdahulu, seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Hussein Onn yang tidak pernah mengacau pengganti-pengganti mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan demikian ketika merasmikan Jalan Bukit Punda — Simunjan, di sini petang ini. Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah berkali-kali menasihatkan pemimpin berkenaan supaya jangan menubuhkan parti lain di negeri ini. "Tetapi dia tak dengar kerana hendak juga jadi Ketua Menteri," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau kesal kerana terpaksa menimbulkan perkara itu disebabkan yang terbabit adalah kawannya juga.

Tetapi, kata Perdana Menteri, dalam politik, beliau terpaksa menentukan yang benar mencapai kemenangan.

Sebagai contoh, contohnya, Haji Bujang Ulis akan memenangi tanpa bertanding bagi

kerusi Parlimen kawasan Simunjan seperti juga Datuk Dr Sulaiman Daud (Santubung) dan Datuk Abang Abu Bakar Datu Haji Mustapha (Paloh), jika tidak ada bekas pemimpin BN yang tidak puas hati, bertanding menentangnya.

(Haji Bujang ditentang oleh Haji Wan Habib Syed Mahmud, yang juga presiden sementara Usna. Beliau juga adalah bekas Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Perdana Menteri berkata, jika ada sebarang masalah di kalangan ahli-ahli parti, ia sepatutnya diselesaikan melalui saluran yang ada.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin BN negeri ini akan menang semua kerusi Parlimen yang ditandinginya dalam pilihanraya bulan depan.

Katanya, Sarawak pesat membangun sejak merdeka melalui Malaysia pada tahun 1963 dan negeri ini mendapat peruntukan yang cukup besar untuk membiayai projek-projek pembangunannya kerana ia luas, walaupun bilangan rakyatnya tidak seramai Selangor.